

03/11/2002

Wanita MCA puji usaha Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Wanita MCA memuji Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana kebijaksanaan dan keprihatinan beliau menyelesaikan isu pelaksanaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik.

"Kami mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana berjaya membuktikan kesepakatan Barisan Nasional dalam pelaksanaan penggunaan bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik.

"Wanita MCA menyeru terutama kepada ibu bapa kaum Cina bersama-sama menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris di kalangan anak-anak," kata Ketuanya, Datuk Dr Ng Yen Yen pada sidang akhbar di pejabat MCA di sini, semalam.

Beliau berkata, pergerakan itu turut menyokong langkah kerajaan untuk tidak meminggirkan pembabitian wanita dalam program kerahan tenaga ala Malaysia di kalangan remaja dan belia.